

Tiga saintis cari penawar kanser

» Tekad bantu pesakit, beri manfaat kepada dunia perubatan melalui kajian yang dijalankan

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Tiga saintis muda dari dua universiti tempatan menerima Anugerah Penyelidikan Kanser Majlis Kanser Nasional (MAKNA) 2015 bernilai RM90,000 untuk menjalankan kajian berkaitan penyakit kanser.

Mereka ialah Pensyarah dari Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Nethia Mohana Kumaran, 34 dan Dr Chua Eng Wee, 30, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), masing-masing menerima geran sebanyak RM30,000 manakala Dr Nor Fazila Che Mat (USM) menerima geran RM29,835.

Dr Nor Fazila yang juga Pensyarah dan Penyelidik Program Bioperubatan, Sekolah Sains Kesihatan, USM, melakukan kajian berhubung penawar human papillomavirus (HPV) menggunakan ekstrak daripada daun tumbuhan beko.

Katanya, tumbuhan beko

“Ini adalah geran pertama saya perolehi. Sudah tentu saya mahu memanfaatkan ia sebaiknya untuk menyudahkan kajian yang dijangka siap pertengahan tahun depan”

Dr Chua Eng Wee,
Pensyarah UKM

dipercayai memiliki penawar kanser tetapi tumbuhan yang terkenal di negeri pantai timur khususnya Kelantan lebih terkenal digunakan sebagai ulam, berbanding dimakan sebagai penawar kanser.

“Saya mula membuat kajian ini sejak tahun 2014 mengenai bagaimana ekstrak ini membantu menangani sel kanser, dalam kanser servik. Saya berharap kajian ini berjaya memberi manfaat kepada dunia perubatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Anugerah Penyelidikan Kanser Majlis Kanser Nasional (MAKNA) 2015, di ibu negara, baru-baru ini.

Anugerah itu disampaikan Pengurus Besar MAKNA, Farahuda Mohd Farid.

Yang turut hadir ialah Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Terutamanya penyelidikan

Dr Nethia menjalankan kajian berhubung HPV teruja dengan kemenangan itu, apatah lagi kerja penyelidikan berhubung HPV dilakukan sejak tahun 2014.

“Kajian saya menjurus kepada memusnah sel kanser HPV16 yang agresif dalam sel kanser servik. Ia memungkinkan sel

berkenaan menjadi lemah dan kemungkinan juga ia bertambah agresif. Itulah hepatosis dalam kajian ini yang ingin saya kaji secara lebih mendalam.

“Permohonan untuk menyertai anugerah ini dilakukan secara sukasuka tetapi tidak sangka kajian saya ini mendapat perhatian dan menang. Sama seperti penyelidik lain, saya berharap kajian ini dapat disiapkan dalam tempoh segera, mungkin kurang daripada setahun,” katanya.

Kerjasama dengan ASM

Sementara itu, Farahuda berkata, pihaknya berbesar hati dengan kerjasama diberikan ASM untuk terus melaksanakan anugerah berkenaan bagi memastikan matlamat MAKNA, dalam mendorong kerja penyelidikan berhubung kanser.

“Sebagaimana jumlah pesakit kanser yang semakin meningkat, begitulah juga harapan saya supaya kerja penyelidikan akan semakin dipertingkatkan

dalam mencari punca atau penawar kepada kanser. Sememangnya kerja penyelidikan dan memberikan geran untuk sesuatu kerja penyelidikan, tidak mendatangkan keuntungan buat organisasi, namun saya merasakan ia suatu keperluan kerana ia bakal dimanfaatkan oleh seluruh umat manusia.

“Apatah lagi bagi penyakit kanser, yang hari ini kita dapat bukan saja semakin ramai pengidap kanser, tetapi sains seolah-olah bantu terhadap punca kepada penyakit ini. Ia sudah semakin menjadi penyakit yang sering dihidapi tanpa mengira sempadan usia dan jantina,” katanya.

Dr Ahmad berkata, anugerah berkenaan membantu penyelidik untuk terus berada di barisan depan dalam meneroka dan mencari penawar untuk kanser untuk manfaat semua. Pengenalan kepada saintis muda, secara langsung menggalakkan mereka untuk terus menjadi generasi pencipta yang seharusnya ada dalam diri setiap saintis,” katanya.



Penerima Anugerah Penyelidikan MAKNA beramah mesra dengan Ahmad Tajuddin, ketua Abli Jemputan Kuasa Eksekutif MAKNA, Prof Datin Paduka Dr Azmi Idris, ahli dari kanan dan Farahuda, kiri pada majlis Penyampaian anugerah kajian kanser MAKNA 2015. (FOTO SAMUDRA/AGAMA/BERNAMA)

Geran penyelidikan saintis muda

Anugerah diperkenalkan sejak 2001 sudah dimanfaatkan oleh kira-kira 45 saintis muda dengan jumlah geran dikeluarkan berjumlah RM1,284,835.

Ia bertujuan menggalakkan dan mengiktiraf kepentingan pembangunan kajian dan penyelidikan dalam kalangan penyelidik tempatan berhubung kanser.

Anugerah itu turut mendorong penyelidik muda untuk terus maju dalam kerja kajian yang memberi manfaat kepada pesakit kanser dan meneroka penawar kanser.

Lebih 50 penyertaan awal diterima, namun hanya yang terbaik berhak untuk menang.

Panel pemilihan penerima diketuai ASM dan Felo serta Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff.

“Saya mula membuat kajian ini sejak tahun 2014 mengenai bagaimana ekstrak ini membantu menangani sel kanser, dalam kanser servik. Saya berharap kajian ini berjaya memberi manfaat kepada dunia perubatan”

Dr Nor Fazila Che Mat,
Pensyarah dan
Penyelidik Program
Bioperubatan, Sekolah
Sains Kesihatan, USM

“Kajian saya menjurus kepada memusnah sel kanser HPV16 yang agresif dalam sel kanser servik. Ia memungkinkan sel berkenaan menjadi lemah dan kemungkinan juga ia bertambah agresif”

Dr Nethia Mohana
Kumaran,
Pensyarah USM



Pemenang anugerah (dari kiri) Dr Chua, Dr Nethia dan Dr Nor Fazila pada majlis Penyampaian anugerah kajian kanser MAKNA 2015.